


# e-BULETIN JSKM



## **Pengalaman yang Mendewasakan**

*Norazah Umar*

### **Antara Menarik di dalam**

- Kolca Kuih Tradisional
- Egypt Trips
- Hebatnya Seorang Ibu
- Perisian Matematik untuk PdP
- Rindu yang Tiada Penghujung

**Edisi November 2023**

# BOOST UP YOUR MATHEMATICAL SKILLS WORKSHOP

RAFIZAH BINTI KECHIL



Further Calculus for Engineer (MAT480) adalah salah satu kod kursus matematik yang perlu diambil oleh pelajar Kolej Kejuruteraan Awam di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pada semester Oktober 2022 – Februari 2023, 30% pelajar telah gagal kursus ini. Oleh itu, bagi memastikan pelajar pada semester Mac 2023 – Ogos 2023 mendapat keputusan yang baik, satu program yang dinamakan Boost Up Your Mathematical Skills Workshop yang melibatkan tujuh orang pensyarah Jabatan Sains Komputer dan Matematik dan 132 pelajar telah diadakan sepanjang tiga minggu pertama kuliah. Program Boost Up Your Mathematical Skills Workshop ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran matematik pelajar dan memperkukuhkan asas mereka dalam subjek MAT480.



Program Boost Up Your Mathematical Skills Workshop ini dijalankan selama tiga minggu pada semester Mac 2023 – Ogos 2023. Program ini melibatkan tujuh orang fasilitator yang terdiri daripada Puan Rafizah Kechil, Puan Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Cik Nur Azimah Idris, Puan Noor Azizah Mazeni, Puan Mahanim Omar, Puan Chew Yee Ming dan Encik Mohd Syafiq Abdul Rahman. Program ini mendapat peruntukan RM150 daripada Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). Oleh kerana bengkel diadakan dalam bulan Ramadhan, fasilitator berbesar hati menyumbang RM595 untuk membeli juadah berbuka puasa kepada pelajar.

### Minggu pertama:

Pada minggu pertama, pelajar diberi pretest untuk menguji kemahiran mereka dalam topik-topik yang pernah mereka pelajari di peringkat sebelumnya. Pilihan topik, mengambilkira keperluan kegunaannya dalam subjek ini.



### Minggu kedua:

Pada minggu kedua, pelajar diminta menonton video berkaitan topik subjek ini untuk meningkatkan kemahiran mereka. Pelajar juga diberi soalan untuk dibincangkan di dalam kumpulan-kumpulan kecil. Pada akhir minggu kedua iaitu pada 31 Mac 2023, seramai 103 pelajar yang hadir ke bengkel diminta membentangkan penyelesaian soalan kepada rakan-rakan dan juga fasilitator yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah matematik. Dalam sesi perbentangan ini, pembelajaran dua hala berlaku, pelajar boleh bertanya kepada rakan mereka jika tidak faham dan dengan bantuan fasilitator, kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dapat dibetulkan.



### Minggu ketiga:

Pada minggu ketiga, pelajar diminta menjawab posttest bagi mengukur kemajuan mereka sepanjang program dijalankan.

Diharapkan program ini dapat membantu pelajar untuk lebih yakin semasa mempelajari subjek MAT480.

